

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1988/89

RRW 331 - Kaedah dan Teknik Penyelidikan

Tarikh: 4 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi  
(2 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan.

1. (a) Apakah itu hipotesis?  
(b) Terangkan langkah-langkah di dalam pengujian hipotesis statistik.  
(c) Apakah jenis kesilapan I dan II?  
( 100 markah )
  
2. Bincangkan secara ringkas, tiga (3) daripada perkara-perkara berikut:  
(a) Proses penyelidikan.  
(b) Dimensi masa di dalam kajian.  
(c) Mencari perhubungan.  
(d) Pengukuran.  
(e) Soalan terbuka dan soalan tertutup.  
( 100 markah )
  
3. (a) Di dalam menyediakan laporan penyelidikan, apakah perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan?  
(b) Bincangkan tujuan-tujuan nota kaki dan berbagai cara untuk menyatakan sumber rujukan di dalam nota kaki.  
( 100 markah )

4. (a) Bincangkan dua (2) cara persampelan dengan kebarangkalian.
- (b) Bincangkan secara ringkas perkara-perkara berikut:
- (i) Rangka persampelan.
  - (ii) Saiz sampel.
  - (iii) Ralat persampelan.
  - (iv) Berat sebelah.

( 100 markah )

5. (a) Bincangkan tujuan dan 5 daripada prinsip-prinsip pengkodan. Gunakan contoh untuk penerangan tertentu.
- (b) Bincangkan:
- (i) Maksud dan bagaimana sesuatu "dataset SAS" diwujudkan.
  - (ii) Apabila sesuatu data set SAS telah disimpan dengan kenyataan "SAVE" terangkan bagaimana dataset SAS itu boleh digunakan semula tanpa perlu mewujudkan sekali lagi dataset tersebut. Nyatakan contoh program SAS berkenaan.

( 100 markah )